

Pengenalan Sejarah dan Amalan Seni Silat Tongkat

TUAN ISMAIL TUAN SOH

ABSTRACT

This essay discusses some aspects of Silat Tongkat as a form of martial art in this country. A comparison will be made with the conventional Malay silat to determine if Silat Tongkat is a variant of the conventional Malay silat or it is a silat which has its own identity. Generally, Silat Tongkat has three phases in its development namely the Bunga (flower) phase, the Butir (seed) phase, and the Isi (Flesh) phase. Each of these phases has some details in its techniques. For that matter, Silat Tongkat has its own complexity and identity and should be studied systematically independent of the conventional Malay silat.

ABSTRAK

Esei ini ialah mengenai sejarah kemunculan Seni Silat Tongkat dan amalannya di negara ini. Adakah ia sama dengan Seni Silat (Melayu) yang lazim difahamkan oleh orang ramai atau suatu seni membela diri Melayu yang mempunyai identitinya tersendiri. Justeru itu, eseini membuat perbandingan di antara Seni Silat Tongkat dengan Seni Silat Melayu lainnya. Secara ringkasnya, Seni Silat Tongkat mempunyai tiga tahap dalam perkembangannya. Tahap pertama dikenali dengan panggilan 'Bunga', tahap kedua dikenali dengan panggilan 'Butir' dan tahap ketiga dikenali dengan panggilan 'Isi'. Sekiranya diperincikan lagi, Seni Silat Tongkat mengandungi sebanyak 6 teknik 'Bunga'. Dalam setiap 'Bunga' pula terdapat beberapa teknik 'Butir'. Seterusnya dalam setiap 'Butir' terdapat beberapa teknik 'Isi'. Dengan ini nyatahalah, Seni Silat Tongkat mempunyai disiplinnya yang tersendiri dan harus dipelajari secara sistematis kerana ketigatiga unsur 'Bunga', 'Butir', dan 'Isi', mempunyai pertalian yang erat dan peningkatan yang tersusun rapi.

PENGENALAN

Di negeri Kelantan, ilmu mempertahankan diri masih diamalkan oleh penduduk-penduduk terutamanya yang masih mendiami di daerah pedalaman. Ilmu mempertahankan diri ini lebih dikenali dengan nama ber-silat. Tetapi ia terdiri daripada pelbagai genus dan gaya.

Dari segi genus, seni silat boleh digolongkan kepada tiga iaitu Seni Silat Tari, Seni Silat Jatuh dan Seni Silat Buah. Ketiga-tiga genus silat ini boleh dilakukan dengan tangan kosong atau menggunakan senjata. Di antara alat-alat ataupun senjata-senjata yang kerap digunakan ialah keris, tekpi, pedang, golok, tali dan tongkat.

Diperdayai bahawa tongkat merupakan senjata panjang yang paling popular digunakan dalam Seni Silat Melayu kalau dibandingkan dengan senjata panjang yang lain seperti parang, tombak, kelewang, pedang, rantai, tali, lembing, cemeti dan buluh runcing. Justeru itu lahirlah satu sistem seni silat Melayu yang dikenali dengan panggilan Seni Silat Tongkat.

Seni Silat Tongkat dinamakan demikian kerana sebatang tongkat digunakan terus menerus dari mula sehingga ke akhir ketika seseorang sedang bersilat. Dari segi panjangnya, tongkat yang digunakan boleh digolongkan kepada tiga:

1. Tongkat yang panjangnya sama dengan pesilat itu sendiri iaitu dari paras tapak kaki hingga ke paras hujung kepala.
2. Tongkat yang panjangnya dari paras tapak kaki hingga ke paras pusat pesilat itu sendiri.
3. Tongkat yang panjangnya dari hujung jari hingga ke paras siku pesilat itu sendiri.

KAEDAH KAJIAN

Dalam melakukan penyelidikan terhadap Seni Silat Tongkat, kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah pemerhati-peserta. Kaedah ini dianggap paling berkesan untuk memahami segala konsep dan teknik-teknik persilatan yang terdapat dalam Seni Silat Tongkat. Ini kerana selain daripada membuat pemerhatian, penulis juga mengambil peluang untuk belajar Seni Silat Tongkat semampu yang mungkin.

Terdahulu daripada itu, pemerhatian secara umum telah dibuat terhadap semua perguruan Seni Silat Tongkat yang terdapat di negeri Kelantan agar konsep-konsep dan ciri-ciri asas yang terdapat dalam Seni Silat Tongkat dapat dipastikan. Selain itu, ia juga untuk membolehkan penulis mencari satu *purposive sample* yang boleh diketengahkan. Dalam hal ini, penulis telah memilih perguruan Seni Silat Tongkat yang diajar oleh Encik Mohd Nor bin Sulaiman yang tinggal di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.

Untuk melengkap dan memudahkan lagi penyelidikan ini, penulis telah menggunakan beberapa alat teknologi moden seperti perakam suara, kamera dan kamera-video. Alat perakam suara digunakan semasa wawancara diadakan sementara kamera dan kamera-video digunakan semasa latihan dan persembahan silat. Rakaman video ini sangat perlu

dalam penganalisisan segala gerak laku dan teknik persilatan yang diamalkan. Bahkan dengan adanya rakaman video ini, responden dan informan lebih ghairah dan berminat memberi kerjasama kepada penulis.

LATAR BELAKANG

Di negeri Kelantan pada masa kini, penulis dapat mengesan seramai empat belas orang guru silat tongkat yang mengamalkan berbagai gaya persilatan tongkat. Penulis sempat membuat beberapa tinjauan ringkas di antara beberapa kumpulan silat yang dikelolakan oleh mereka itu.

Daripada beberapa tinjauan ringkas itu, penulis membuat keputusan untuk mengambil kumpulan seni silat tongkat yang diajar oleh Encik Mohamad Nor bin Sulaiman. Ini adalah kerana persilatan tongkatnya lebih berseni sama ada dari segi saintifiknya mahupun dari segi estetiknya kalau diperbandingkan. Lagi pun ia mempunyai sejarah yang boleh dipercayai dan perkembangan yang lebih mantap.

Encik Mohamad Nor bin Sulaiman (lahir dalam tahun 1945) masih aktif mengajar Seni Silat Tongkat kepada anak-anak muda di kampungnya, Kubang Kerian Kota Baharu, Kelantan. Pada masa penyelidikan ini dilaksanakan, beliau sedang mengajar di tiga tempat iaitu:

1. Kampung Padang Bongor, Binjai Kota Baharu
2. Kampung Tasik Pauh, Pasir Putih
3. Sekolah Kebangsaan Kubang Keranji, Kota Baharu

Encik Mohamad Nor bin Sulaiman boleh dikatakan seorang guru Seni Silat Tongkat yang sangat berpengalaman dan *committed* terhadap perkembangan dan kemajuan Seni Silat Tongkat. Beliau mengajar Seni Silat Tongkat semenjak tahun 1968 di tempat-tempat seperti berikut mengikut urutan masa:

1. Kampung Padang Dermit, Kubang Kerian, Kota Baharu (1968)
2. Kampung Padang Bongor, Binjai, Kota Baharu (1969)
3. Kampung Gong Dermin, Binjai, Kota Baharu (1969)
4. Kampung Teras, Kedai Lalat, Kota Baharu (1970)
5. Kampung Kubang Kerian, Kota Baharu (1971)
6. Kampung Chat, Bukit Marak, Kota Baharu (1971)
7. Kampung Kubang Kerian, Kota Baharu (1971)
8. Kampung Padang Kala, Melor, Kota Baharu (1974)
9. Kampung Kubang Tin, Melor, Kota Baharu (1974)
10. Kampung Kubang Kerian, Kota Baharu (1976)
11. Kampung Kubang Kerian, Kota Baharu (1977)
12. Kampung Kubang Kerian, Kota Baharu (1978)
13. Kampung Cepa, Binjai, Kota Baharu (1982)
14. Kampung Pulung, Kubang Kerian, Kota Baharu (1984)

15. Kampung Kubang Kerian, Kota Baharu (1985)
16. Kampung Tembusu, Peringkat, Kota Baharu (1986)


Encik Mohamad Nor bin Sulaiman telah menceburkan diri beliau dalam Seni Silat Tongkat ketika berumur 19 tahun. Kawan-kawan beliau seramai 19 orang turut juga belajar Seni Silat Tongkat pada masa itu. Mereka belajar selama tiga bulan dengan seorang guru silat tongkat bernama Encik Hamid bin Puteh, tetapi terkenal dengan panggilan Wak Hamid Tongkat, yang kini tinggal di Kampung Merkang, Pasir Puteh, Kelantan.

Wak Hamid (lahir dalam tahun 1909) menyatakan beliau telah belajar seni silat tongkat ini dalam akhir tahun 1930-an daripada seorang keturunan India yang beragama Islam bernama Encik Ali. Beliau dipercaiyai berasal daripada India.

Encik Ali adalah seorang penjual roti. Beliau menjaja roti di sekitar Kampung Pasir Putih dengan mengandar dua buah bakul berisikan roti. Beliau selalu diganggu oleh budak-budak nakal, termasuklah Wak Hamid pada waktu itu yang cuba mencuri roti beliau. Tetapi percubaan kanak-kanak nakal ini tidak berhasil kerana Encik Ali berjaya mempertahankan bakul roti beliau dengan menggunakan kandarannya sebagai tongkat. Daripada peristiwa inilah, Wak Hamid bersama dengan rakananya bernama Jusoh Tok Jar ingin belajar ilmu persilatan tongkat daripada Encik Ali. Walau bagaimanapun, mereka hanya belajar selama sebulan sahaja.

TONGKAT SILAT

Tongkat yang digunakan dalam Seni Silat Tongkat panjangnya dari paras pusat hingga ke hujung kaki seseorang pesilat (lebih kurang 3 kaki). Ukuran ini dipilih kerana dari segi saintifiknya ia lebih senang untuk mengayun (menggunakan) kedua-dua belah hujung tongkat yang dipanggil puting luar dan puting dalam (Rajah 1). Puting luar dikenali juga dengan nama puting umbi sementara puting dalam dikenali dengan nama puting hujung.



RAJAH 1. Tongkat Silat

Sekiranya tongkat yang digunakan itu terlalu panjang maka agak susah hendak memanipulasikan kedua-dua puting tongkat itu ketika hendak menyerang ataupun mempertahankan diri. Begitu juga sekiranya tongkat yang digunakan itu terlalu pendek, seseorang pesilat terpaksa memanjangkan lengannya ketika hendak menyerang ataupun mempertahankan dirinya. Keadaan ini akan menyebabkan bahagian tubuh dan rusuk pesilat itu terlalu terbuka kepada pihak lawan atau musuh.

Selain itu, lilitan puting umbi (lebih kurang 4 inci) adalah lebih besar daripada lilitan puting hujung (lebih kurang 3.5 inci). Tujuannya ialah untuk memudahkan kawalan *momentum* puting ketika ia diayun supaya tidak terlajak daripada sasaran. Tongkat silat lazimnya diperbuat daripada kayu langsat, kayu penaga, kayu kandaran cina dan kayu batang palas.

TONGKAT SILAT TOK GURU

Dalam kajian kes ini juga terdapat satu lagi jenis tongkat silat yang dinamakan Tongkat Silat Tok Guru. Ia merupakan sejenis tongkat silat yang khas digunakan oleh tok guru. Anak-anak murid (pesilat) tidak diizin menggunakan tongkat silat ini. Bahkan guru silat itu sendiri jarang-jarang menggunakan melainkan untuk peristiwa-peristiwa yang istimewa.

Tongkat Silat Tok Guru ini lazimnya disimpan secara *ritual* dan diperasapkan dengan kemenyan pada tiap-tiap malam Selasa (mengikut perhitungan Melayu). Selain itu, tongkat silat ini juga dijampi dengan mentera dan serampah.

Mengikut Encik Mohamad Nor bin Sulaiman jampi-mentera yang diamalkannya adalah terdiri daripada ayat-ayat al-Quran seperti ayat-ayat dalam Surah al-Fatiyah, Surah al-Ikhlas, salawat kepada Nabi Muhammad (s.a.w), dan ayat-ayat yang dikenali dengan "Ayat Empat".

Fadilat membaca jampi-mentera dengan ayat-ayat di atas ialah Tongkat Silat Tok Guru akan bertambah berat apabila dibuat pukulan kepada musuh. Tongkat silat ini juga akan menghasilkan bunyian pukulan tongkat semasa guru silat sedang tidur di waktu tengah malam. Ia merupakan suatu alamat kepada beliau bahawa tidak lama lagi ada orang yang akan menjemput dan mempelawa beliau mengajar seni silat tongkat.

SISTEM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sistem pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam Seni Silat Tongkat, seakan-akan sama dengan sistem pengajaran dan pembelajaran dalam Seni Silat Melayu. Ia bermula dengan adat buka gelanggang/bangsal dan diakhiri dengan adat perlima gelanggang/bangsal. Di antara

kedua-dua adat ini, pengajaran dan pembelajaran secara amali diadakan peringkat demi peringkat sehingga tamat.

Dalam kajian kes ini, peringkat pengajaran dan pembelajaran dibahagikan kepada tiga peringkat utama yang dinamakan peringkat bunga, peringkat buah/isi, dan peringkat butir.

ADAT BUKA GELANGGANG

Adat buka gelanggang/bangsal diadakan terlebih dahulu sebelum sebarang persilatan amali dimulakan. Ia lazimnya diadakan pada malam pertama sesi persilatan itu.

Adat Buka Gelanggang dimulakan dengan “memagar” gelanggang silat itu dengan menaburkan beras atau bertih yang telah pun dijampikan di sekeliling kawasan gelanggang silat yang berbentuk empat persegi.

Kemudian sebuah lubang berbentuk empat persegi sedalam lapan belas inci digali di salah satu daripada sudut gelanggang silat itu. Di dalam lubang itu, dibubuh segengam beras, segengam bertih, sebiji telur ayam mentah, segulung benang mentah dan wang syiling sebanyak lima belas sen. Akhir sekali, lubang yang telah berisi itu ditutup dengan sekeping papan dan di atas papan itu dikambus dengan tanah.

Sebelum latihan silat tongkat dimulakan, murid-murid yang baru hendak belajar dikehendaki berbincang terlebih dahulu untuk melantik seorang ketua. Kemudian ketua murid yang baru dilantik itu akan memulakan Adat Mengadap Guru iaitu masuk bersalam dengan guru silat serta menghadiahkan pengeras yang terdiri daripada wang syiling sebanyak lima belas sen dan segulung benang mentah. Beliau seterusnya diminta membaca Surah al-Fatihah sebanyak tiga kali, membaca Surah al-Ikhlas sebanyak tiga kali, dan melafazkan selawat untuk Nabi Muhammad s.a.w. sebanyak tiga kali. Upacara *initiation* ini akan turut dilakukan oleh setiap orang murid baru yang berada dalam gelanggang silat tongkat itu, seorang demi seorang.

Selepas upacara *initiation* dilaksanakan baharulah diadakan demonstrasi seni silat tongkat yang akan dilakukan oleh murid-murid lama sebanyak dua regu. Demonstrasi ini khusus diadakan untuk diperhatikan oleh murid-murid baru. Setelah selesai menonton demonstrasi seni silat tongkat itu, murid-murid baru akan diajar bagaimana hendak memegang tongkat dengan teknik yang betul.

Pegangan Asas Tongkat Silat Bagi pesilat yang menganan, tangan kanannya hendaklah memegang di bahagian puting tongkat secara “melentang” sementara tangan kirinya memegang umbi tongkat secara “merungkup”; dan begitulah sebaliknya bagi mereka yang kidal.

Teknik Pukulan Asas Pukulan dibuat dengan hujung tongkat. Ketika pukulan dilaksanakan, kedua-dua belah tangan hendaklah berada di umbi tongkat sambil sebelah kaki melangkah ke hadapan. Tetapi genggaman tangan yang melentang harus selalu berada di atas genggaman tangan yang merungkup. Sekiranya tangan kanan (melentang) berada di atas tangan kiri (merungkup) maka kaki kanan hendaklah berada di hadapan ketika pukulan atau serangan tongkat dilaksanakan; dan begitulah sebaliknya. Pukulan ini dipanggil pukulan kanan atau pukulan kiri mengikut tangan mana yang berada di sebelah atas (secara melentang) di bahagian umbi tongkat.

Pukulan kanan dan kiri ini hendaklah dilatih secara bertubi-tubi oleh pesilat-pesilat yang baru sehingga cukup cekap sebelum diajar pula bagaimana hendak menyangga serangan/pukulan.

Teknik Sanggaan Asas Terdapat dua jenis sanggaan tongkat asas iaitu sanggaan kiri dan sanggaan kanan. Sanggaan kiri ialah sejenis sanggaan yang puting tongkat diletakkan ke arah bawah (ke tanah) dan dipegang oleh tangan kiri sementara umbi tongkat diletakkan ke arah atas (ke langit) dan dipegang oleh tangan kanan. Kedudukan tongkat ini berdiri di sebelah rusuk kiri pesilat.

Sanggaan kanan pula ialah sejenis sanggaan yang puting tongkat diletakkan ke arah bawah juga (ke tanah) tetapi dipegang oleh tangan kanan sementara umbi tongkat diletakkan ke arah atas (ke langit) tetapi dipegang oleh tangan kiri. Kedudukan tongkat pula berdiri di sebelah rusuk kanan pesilat.

Kedua-dua sanggaan asas ini dilatih secara bertubi-tubi sehingga pesilat baru mahir dengannya. Selepas itu barulah diadakan latihan asas iaitu pukulan tongkat dan sanggaan tongkat.

Latihan Asas Dalam latihan asas, pesilat-pesilat hendaklah berlatih secara beregu. Seorang pesilat akan menyerang sementara seorang lagi akan menyangga. Kemudian peranan pesilat penyerang dan pesilat penyangga ini ditukar ganti bergilir-gilir.

Sekiranya pesilat penyerang menyerang dengan pukulan kanan maka pesilat penyangga hendaklah menyangganya dengan sanggaan kiri sambil melangkah (undur) ke arah belakang. Kemudian diikuti dengan pukulan kiri oleh pesilat penyerang dan disangga dengan sanggaan kanan oleh pesilat penyangga sambil terus melangkah (undur) ke arah belakang. Proses ini diulang berkali-kali sehingga kedua-dua pesilat dapat menguasai teknik menyerang dan menyangga ini dengan cekap.

Latihan asas ini lazimnya diamalkan berulang-ulang selama dua malam. Setelah mahir, barulah pesilat-pesilat diajar dengan latihan yang lebih kompleks yang dipanggil latihan bunga.

LATIHAN BUNGA

Pada malam ketiga diadakan latihan, pesilat-pesilat baru diperkenalkan dengan latihan bunga. Kesemuanya terdapat enam latihan bunga. Dalam setiap latihan bunga terkandung beberapa teknik serangan dan pertahanan seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Latihan Bunga Silat

Bilangan Bunga	Jumlah Teknik
Bunga Satu	6
Bunga Dua	6
Bunga Tiga	5
Bunga Empat	6
Bunga Lima	5
Bunga Enam	6

Setelah kecekapan tercapai dalam latihan bunga ini iaitu dari Bunga Pertama ke Bunga Keenam, pesilat-pesilat baru akan diperkenalkan pula dengan latihan silat tongkat yang lebih maju yang dinamakan Latihan Butir.

LATIHAN BUTIR

Latihan Butir adalah latihan tongkat yang berdasarkan kepada Latihan Bunga, tetapi mengandungi pecahan teknik serangan dan belaan yang lebih terperinci dan rumit. Dalam setiap kali tongkat berlaga (berkadah) dalam Latihan Bunga akan lahirlah beberapa teknik serangan tongkat yang dikenali dengan "butir".

Sebagai contoh, dalam latihan Bunga Pertama pada lagaan tongkat pertama terdapat empat butir; pada lagaan tongkat kedua terdapat dua butir; pada lagaan ketiga terdapat empat butir; pada lagaan tongkat keempat terdapat dua butir; pada lagaan kelima terdapat dua butir; dan pada lagaan keenam terdapat dua butir juga. Begitulah seterusnya dengan latihan-latihan bunga kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam, akan terdapat beberapa jumlah butir tertentu (Jadual 2).

Untuk latihan bunga keenam, dikatakan tidak ada butir baru lagi kerana semuanya sudah terdapat dalam butir-butir yang terkandung dalam latihan Bunga Satu hingga ke latihan Bunga Lima.

Setelah mahir dan cekap dengan latihan butir, pesilat-pesilat akan diajar dengan latihan peringkat lebih tinggi yang dipanggil Latihan Isi.

JADUAL 2. Latihan Butir Silat

Bunga	Lagaan Tongkat	Jumlah Butir	
1	1	4	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	2	
	6	2	
2	1	4	
	2	2	
	3	2	
	4	2	
	5	2	
	6	2	
3	1	3	
	2	2	
	3	3	
	4	2	
	5	2	
4	1	2	
	2	2	
	3	2	
	4	2	
	5	2	
5	6	2	
	1	4	
	2	3	
	3	2	
	4	2	
6	5	2	
	1	ulangan butir-butir dalam bunga 1-5	
	2		
	3		
	4		
	5		
	6		

LATIHAN ISI

Latihan ini merupakan latihan yang khusus untuk menyerang sahaja. Ia juga merupakan serangan maut yang dikatakan sangat sukar untuk dilakukan. Oleh itu, tidak akan kedengaran tongkat berlaga ketika latihan ini diadakan kerana semua serangan tongkat dianggap mengena sasaran-sasaran tertentu. Latihan ini mengandungi beberapa teknik serangan yang dikenali dengan nama-nama tertentu, seperti berikut:

1. Simbur Tutuh
2. Simbur Lam Alif
3. Satu Kosong Dua Kena
4. Sakit Belakang
5. Mengelit Tunggal
6. Tengok Wayang
7. Kedai Kopi
8. Satu Lawan Dua
9. Satu Lawan Tiga
10. Katak Tutuh
11. Katak Simbur
12. Katak Belah
13. Katak Paras
14. Mengelit Kanan
15. Mengelit Kiri
16. Kain Lepas (6 cara)
17. Tangan Kosong (7 cara)

Dengan menguasai latihan ini, seseorang pesilat dianggap telah berjaya dalam seni silat tongkat. Tidak ada lagi latihan baru yang perlu dipelajari. Namun begitu, pada malam terakhir latihan, pesilat-pesilat baru akan diajar dengan satu teknik silat tongkat yang paling dirahsiaikan dan dikenali dengan panggilan “Buah Pak” dan “Buah Tok”.

MALAM TERAKHIR

Pada malam terakhir pelajaran seni silat tongkat ini, lebih kurang pada jam 12.00 tengah malam, pesilat-pesilat baru akan mendengar amanat yang terakhir daripada guru sebelum beliau membocorkan rahsia teknik silat tongkat yang paling sulit yang dikenali dengan “Buah Mak” dan “Buah Pak”.

Dengan mempelajari Buah Mak dan Buah Pak, tamatlah pengajian seseorang itu dalam Seni Silat Tongkat. Tetapi bagi mereka yang masih ingin mencari secara individu ataupun peribadi dan berjaya pula memikat hati gurunya, beliau berkemungkinan akan dapat mempelajari satu lagi teknik silat tongkat yang dikenali dengan nama Buah Tok.

KESIMPULAN

Walaupun Seni Silat Tongkat ini berasal dari India, tetapi melalui peredaran masa dan tempat, ia telah diadaptasikan dengan alam Melayu. Proses asimilasi telah dilakukan dengan penuh harmonis dan bijaksana sekali oleh pendekar-pendekar tempatan sehingga segala aspek, kecuali teknik asas ilmu persilatan tongkat, boleh dikatakan beridentiti kan kebudayaan Melayu. Tidak seperti ilmu mempertahankan diri seperti karate ataupun taekwando, walaupun telah diperkenalkan dan diamalkan oleh setengah-setengah orang Melayu semenjak zaman belum sebelum Merdeka lagi, tetapi ia tetap terasa asing kepada jiwa dan citarasa kebudayaan Melayu.

Dengan penjelasan yang diberikan di atas maka tidaklah menjadi satu kesalahan kalau dianggap bahawa Seni Silat Tongkat yang dijadikan kajian kes ini sebagai hak kepunyaan bangsa Melayu, walaupun pada asalnya ia muncul dari India.

RUJUKAN

- Draeger, Donn F. 1972. *Weapons and Fighting Arts of Indonesia Archipelago*. Tokyo: Charles E. Tuttle Company Inc.,
Masaaki Hatsumi & Chambers, Quintin. 1981. *Stick Fighting*. Tokyo: Kodansha International Ltd.
Presas, Ernesto A. 1988. *Arnis*. Manila.

Institut Bahasa Kesusastraan & Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.